Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM ***(Malay Language Education Journal – MyLEJ)***

KEBERKESANAN PENGGUNAAN AKHBARDALAM PENGAJARAN KARANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN ENAM

(Effectiveness of Using News Paper in Teaching Composition Writing among Form Six Students)

CHEW FONG PENG
fpchew@um.edu.my
Universiti Malaya

RUSDAINI MOHAMED
Universiti Malaya

Diserah pada:
23 Jun 2013

Diterima pada:
12 Ogos 2013

Koresponden:
fpchew@um.edu.my

Abstrak: Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah eksperimen untuk melihat keberkesanan penggunaan akhbar dalam pengajaran karangan pelajar tingkatan enam di sebuah sekolah menengah yang dipilih. Kajian ini menggunakan 70 orang pelajar tingkatan enam bawah daripada sekolah yang sama sebagai subjek kajian. Subjek kajian telah dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu 35 orang setiap kumpulan. Dalam kajian ini, kumpulan eksperimen telah didedahkan dengan penggunaan akhbar dalam pemelajaran karangan mereka, manakala kumpulan kawalan diajar menulis karangan melalui kaedah biasa. Setiap kumpulan pelajar diberikan dua jenis ujian, iaitu ujian pra dan ujian pasca. Analisis data dibuat menggunakan SPSS Versi 17.0. Dalam menjalankan kajian ini eksperimental ini, pengkaji telah menjalankan sebanyak lapan kali proses rawatan dengan menggunakan kaedah akhbar dalam darjah (ADD) kepada para pelajar kumpulan eksperimen, manakala para pelajar kumpulan kawalan sebaliknya hanya menerima proses pengajaran biasa sepanjang tempoh tersebut. Proses rawatan ini menggunakan lapan rancangan pelajaran yang telah dirangka khusus oleh pengkaji. Kajian yang telah dijalankan ini telah membuktikan dengan jelas bahawa penggunaan akhbar boleh memberi kesan yang positif kepada para pelajar untuk menulis karangan masing-masing. Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penulisan pendahuluan, huraian isi dan penutup antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Rumusannya akhbar didapati berkesan dalam membantu meningkatkan kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar tingkatan enam.

Kata kunci: Akhbar, karangan, bahasa Melayu, sekolah menengah, akhbar dalam darjah (ADD), tingkatan enam

Abstract: *The study was conducted based on experiment method to observe the effectiveness of the news paper in teaching writing composition among Form Six students at a secondary school. This study selected 70 students from the Form Six students under the same school as subjects. The subjects were divided into two groups of 35 students per group. In this study, the experimental group was exposed to the use of the news paper in learning to write composition, while the control group was taught to write essays through normal methods. Each group of students were given two types of tests, namely the pre-test and post-test. Data was analyzed using SPSS version17.0. In carrying out this experimental study, researchers conducted eight times treatment process using the news paper in the classroom to the experimental group of students, while the students from control group received only normal teaching process during the same period. This treatment process implemented eight lesson plans that have been specially designed by the researchers. Studies conducted have clearly indicated that the usage of the news paper have a positive impact on the students to write their composition. There were significant differences in terms of writing introduction, description of contents and conclusion between the control group and experimental group. As a conclusion, newspaper was found to be effective in helping the Form Six students to improve the skills of writing composition.*

Keywords: *Newspapers, composition, Malay language, secondary schools, newspaper in classroom, form six*

PENGENALAN

Dalammasyarakat yang tidak boleh menulis dan membaca, pelajaran disampaikan secara komunikasi lisan. Dalam masyarakat yang tinggi tamadunnya, pelajaran disampaikan dengan berbagai-bagai corak komunikasi termasuklah komunikasi massa untuk menyampaikan mesej-mesej pelajaran, pengetahuan dan pelbagai maklumat. Penggunaan media massa dalam pengajaran merupakan satu alternatif kepada guru-guru bahasa Melayu untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan.

Sehubungan itu, sarjana-sarjana Barat seperti Cheyney (1998), Michael dan Catherine (2009) mencadangkan supaya setiap orang membaca akhbar kerana harganya murah dan pembaca akhbar boleh menggilap berita dan informasi berguna di dalamnya. Cadangan mereka menunjukkan bahawa akhbar telah lama dijadikan sebagai alat untuk mendapatkan ilmu, bahkan akhbar dianggap sebagai satu institusi. Kenyataan beliau turut dikaji oleh Lim Duan Lib (1997) yang mendapati bahawa penggunaan petikan daripada akhbar dan majalah merupakan rangsangan yang memikat pelajar-pelajar untuk belajar bahasa Melayu jika petikan-petikan itu dipilih dengan teliti dan cekap oleh guru bahasa Melayu.

Kecenderungan menggunakan akhbar di bilik darjah bermula pada awal kurun ke-20. Pada tahun 1956, satu program yang dipanggil *Newspaper In Class* (NIC) telah diperkenalkan sebagai kerjasama satu perusahaan pendidikan antara sekolah-sekolah daerah tempatan dengan pencetak akhbar tempatan, *Nationwide*. Sebanyak 350 akhbar, 95,000 guru, 34,000 buah sekolah dan hampir lima juta pelajar mengambil bahagian dalam program ini. Mulai 1958, American Newspaper Publishers Assosiation Foundation (ANPA) mengambil pengelolaan, penyelarasan dan penajaan akhbar di sekolah hingga sekarang (Peter, 1993). Pada tahun 1976, ANPA menggantikan nama *"Newspaper in Classroom"* kepada *"Newspaper In Education"* (NIE). Menurut Jim Abbot, (2008) Naib Presiden Persatuan Pertubuhan Akhbar Amerika Syarikat, 40 peratus daripada keseluruhan pelajar di Amerika Syarikat terlibat dengan penggunaan akhbar dalam pendidikan dan mengaitkannya dengan kesan penggunaan akhbar di sekolah (Thompson, 2008).

Di Malaysia pula, konsep akhbar dalam darjah bermula pada tahun 1990-an apabila Kumpulan New Strait Time Press melalui akhbar *Berita Harian* memulakan Program Akhbar Dalam Darjah (ADD) dan menerbitkan sisipan pendidikan yang kandungannya memberi fokus kepada tiga peringkat peperiksaan, iaitu UPSR, PMR dan SPM bagi mempersiapkan calon menduduki peperiksaan berkenaan. Konsep dan idea ini kemudiannya menjadi ikutan media cetak lain. Sehingga kini, Berita Harianterus memberi sumbangan dan memainkan peranan penting dalam menjana kecemerlangan pendidikan dengan menjalin hubungan yang rapat dengan pelbagai jaringan Kementerian Pelajaran melalui konsep Permuafakatan Pendidikan.

Sehubungandengan itu, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah mewajibkan guru-guru menggunakan sumber seperti akhbar, majalah dan kamus serta bahan ilmu dan sastera dalam pengajaran bahasa Melayu. Bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah dan kamus serta bahan ilmu dan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran, dan juga untuk bacaan luas. Perkara ini disebut dengan nyata dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (KPM 2003b).

PENYATAAN MASALAH

Untuk menguasai kemahiran bahasa yang berkesan, guru-guru tidak seharusnya mengamalkan cara tradisi sahaja, iaitu bercakap sambil menggunakan kapur. Guru-guru bahasa Melayu perlu menggunakan alat dan bahan yang sesuai, menarik dan mencabar dalam pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu. Pengajaran Bahasa Melayu seharusnya disampaikan dalam pendekatan yang lebih menarik dengan kepelbagaian bahan bantu mengajar serta kaedah pengajaran yang menarik dan mampu memperkembangkan lagi keupayaan kemahiran membaca dan menulis pelajar. Kepelbagai kaedah dapat membentuk pelajar tidak cepat bosan dan penat semasa proses pembelajaran berlaku di dalam bilik darjah (Abdul Rashid, 2010; Izani, 2010). Peranan media seperti akhbar, radio dan televisyen, serta komputer secara tidak langsung memberi peluang kepada guru bahasa Melayu untuk memetik pengisian programnya yang sesuai

bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, terutama bagi peringkat sekolah menengah.

Walaupun dalam perkembangan sains dan teknologi ini, pelbagai bahan pengajaran boleh digunakan oleh guru untuk mengajar penulisan karangan, namun harus diingatkan bahawa tidak semua sekolah dapat menyediakan kemudahan teknologi lantaran kekangan tempat, prioriti subjek dan sebagainya (Tomlinson, 2011). Kemudahan komputer riba dan `LCD' misalnya hanya diberikan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik serta Bahasa Inggeris sahaja. Guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu terpaksa menggunakan kemudahan lain yang terhad, misalnya terpaksa menggunakan *overhead projector* (OHP), menempah bilik Alat Pandang Dengar (APD) dan Makmal Komputer terlebih dahulu. Oleh itu, untuk mengatasi kekangan ini, cara yang masih sesuai dan tidak memerlukan kos yang tinggi ialah penggunaan akhbar sebagai bahan pengajaran.

Dalam pada itu, Reilly (2003) berpendapat bahawa penggunaan akhbar amat perlu dititikberatkan dalam pengajaran di peringkat menengah tinggi kerana salah satu kemahiran penting yang perlu diajar kepada pelajar-pelajar menengah tinggi ialah pemikiran kritis. Akhbar membekalkan banyak infomasi yang boleh dioptimakan oleh guru-guru bahasa Melayu untuk menerapkan pengajaran kemahiran berfikir untuk mencerakin informasi berkenaan sebelum ditransformasi ke dalam bentuk penulisan karangan. Dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Bahagian A (Karangan) memperuntukkan markah paling banyak, iaitu 50 markah kepada calon yang dapat menjawab bahagian ini dengan baik. Walau bagaimanapun, menurut Koh (1996), kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran yang sukar dikuasai oleh para pelajar.

Kenyataan tersebut ada benarnya jika dilihat Laporan Prestasi Calon Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia pada tahun 2010. Dalam laporan tersebut, salah satu kelemahan calon yang paling ketara semasa menjawab soalan Bahagian A (Karangan) ialah calon tidak dapat memberikan isi atau idea yang dikehendaki. Laporan Peperiksaaan pada tahun 2011 pula menyatakan bahawa dalam Bahagian A (Karangan), kegagalan calon memperoleh markah yang tinggi dalam karangan disebabkan kelemahan atau ketidaktepatan isi yang diberikan. Kebanyakan isi yang diberikan adalah dangkal atau cetek. Hal ini berlaku kerana calon tidak dapat menghuraikan isi dengan mendalam apatah lagi untuk menggunakan fakta atau maklumat yang relevan untuk menjelaskan isi. Akibatnya, markah yang diperoleh kebanyakannya berada pada tahap sederhana dan lemah. Jarang sekali terdapat calon yang boleh menghuraikan isi dengan tepat dan jelas serta disokong oleh fakta dan maklumat yang relevan. Laporan ini ada kebenarannya jika dikaitkan dengan beberapa hasil kajian yang telah dijalankan sebelum ini, iaitu pelajar-pelajar kurang minat membaca dan guru pula kurang mendedahkan pelajar mereka kepada bahan-bahan bacaan yang pelbagai.

Senario di atas boleh dikaitkan dengan kaedah konvensional mengajar karangan yang masih luas digunakan. Juriah (2010) mendapati bahawa pengajaran bahasa Melayu di bilik darjah kerap kali berpusatkan guru dan tidak mengaplikasi strategi pengajaran dan pebelajaran yang disarankan oleh Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (2003a). Keadaan tersebut menunjukkan bahawa guru-guru bahasa Melayu tidak menguasai asas pedagogi yang mantap bagi membolehkan mereka memilih kaedah dan aktivti pengajaran yang disarankan dalam Sukatan Pelajaran untuk digunakan dengan berkesan dalam pengajaran Bahasa Melayu mereka. Strategi pengajaran yang disarankan itu harus ditekankan bagi membolehkan pelajar berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman mereka sendiri.

Realitinya guru bahasa Melayu yang telah lama mengajar sering mengabaikan aspek penggunaan bahan bantu mengajar jika dibandingkan dengan guru-guru yang baru tamat latihan mengajar (Mahzan, 2005), malah perkembangan semasa yang menuntut mereka menggunakan pelbagai bahan pengajaran menjadikan mereka seperti cacing yang kepanasan lantaran mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan tersebut. Mereka menganggap penggunaan bahan membuang masa mereka.

Sehubungan itu, Chew (2011) mendapati bahawa ramai guru bergantung kepada buku teks selain buku kerja sebagai bahan pengajaran utama; mereka mahu segera menamatkan sukatan

pelajaran kerana hendak memastikan pelajar-pelajar bersedia menghadapi peperiksaan yang berdasarkan sukatan pelajaran. Akibatnya, pelajar-pelajar tidak mampu menguasai kemahiran bahasa dengan baik sedangkan kemahiran berbahasa merupakan kemahiran asas yang amat penting dan perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Roselan Baki (2003).

Keadaan tersebut menjadi lebih sulit dikaitkan dengan situasi pembelajaran di sekolah, terutama di peringkat tingkatan enam. Memandangkan pelajar-pelajar tingkatan enam tidak diberikan buku teks khusus untuk dijadikan rujukan mereka walaupun skop pemelajaran mereka amat luas, jadi guru-guru perlu bijak merekayasa bahan-bahan untuk pengajaran, khususnya pengajaran karangan (Dahlia, 2007). Salah satu bahan yang paling penting dan relevan dengan pengajaran karangan pelajar-pelajar tingkatan enam ialah akhbar.

Sukatan pelajaran Bahasa Melayu KBSM (2003a) yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia menyenaraikan bidang-bidang yang perlu dipelajari oleh pelajar-pelajar, iaitu bidang ekonomi, politik, kemanusiaan dan kemasyarakatan, geografi, seni dan budaya, wanita dan kanak-kanak, sukan, sastera, bahasa dan pendidikan. Bidang-bidang yang disenaraikan ini semuanya terdapat di dalam akhbar harian kebangsaan khususnya Berita Harian dan Utusan Malaysia.Satu lagi alasan pentingnya penggunaan akhbar dalam pengajaran karangan di tingkatan enam ialah bahan ini mudah didapati dan murah harganya. Selain itu, maklumat yang terdapat di dalamnya pelbagai dan terkini.

Thompson (2008) menyatakan bahawa penggunaan akhbar penting dan berkesan sebagai starategi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah kerana dapat meningkatkan minat dan motivasi belajar; dengan itu pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan, disesuaikan dengan konsep pengayaan. Hal ini demikian kerana akhbar mempunyai bahan-bahan yang boleh diagihkan mengikut tahap atau keupayaan pembacaan pelajar-pelajar. Selain itu, akhbar dapat mengaitkan bahan pengajaran dengan kenyataan hidup, mewujudkan suasana belajar yang tidak terlalu formal, iaitu pelajar-pelajar boleh bercakap-cakap atau berbincang dengan bebas, membaca apa-apa sahaja yang terpapar dan menulis dengan bebas tajuk-tajuk berita, membuat ringkasan, ulasan dan sebagainya.

Di samping itu, akhbar juga dapat membentuk fikiran yang kritis, memupuk minat dan budaya membaca dalam kalangan pelajar, mengubah pola pembacaan, membantu guru-guru dalam penyediaan bahan, menambah pengetahuan dan perbendaharaan kata, serta dijadikan bahan untuk mengumpul sesuatu maklumat secara berurutan (Thompson, 2008). Jadi, penggunaan akhbar dalam pengajaran merupakan satu alternatif kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan.

Reilly (2003) turut menggariskan beberapa manfaat penggunaan akhbar dalam pengajaran, antaranya termasuklah pengajaran menjadi lebih menarik, pengajaran merentasi kurikulum, dapat mengubah suasana dan persekitaran belajar, pengajaran berpusatkan pelajar, membantu pelajar membina kemahiran belajar, pelajar dan guru boleh mengumpul bahan pelajaran, pengajaran dapat disesuaikan dengan penerapan nilai murni, memberangsangkan pelajar untuk belajar, dan menghubungkan pelajar dengan dunia nyata. Daripada huraian di atas, jelaslah bahawa akhbar boleh menjadi salah satu bahan yang amat relevan dalam pengajaran karangan para pelajar tingkatan enam, namun sejauhmanakah akhbar berperanan dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan perlu dikenal pasti.

TUJUAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah penggunaan akhbar dapat meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran karangan pelajar-pelajar tingkatan enam. Secara khusus pula, kajian ini bertujuan untuk melihat adakah penggunaan akhbar dapat membantu pelajar menulis pendahuluan, mengolah isi dan menulis penutup karangan dengan kemas. Kajian ini juga bertujuan untuk membekalkan maklumat kepada para guru bahasa Melayu tentang kemahiran mengarang yang tidak dikuasai dengan baik oleh para pelajar.

TUJUAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah penggunaan akhbar dapat meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran

karangan pelajar-pelajar tingkatan enam. Secara khusus pula, kajian ini bertujuan untuk melihat adakah penggunaan akhbar dapat membantu pelajar menulis pendahuluan, mengolah isi dan menulis penutup karangan dengan kemas. Kajian ini juga bertujuan untuk membekalkan maklumat kepada para guru bahasa Melayu tentang kemahiran mengarang yang tidak dikuasai dengan baik oleh para pelajar.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini berusaha untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Adakah penggunaan akhbar dapat membantu pelajar-pelajar tingkatan enam menulis pendahuluan karangan, mengolah isi dan menulis penutup?
2. Adakah terdapat perbezaan dalam menulis pendahuluan karangan, mengolah isi dan menulis penutup antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen ?
3. Adakah terdapat hubung kait antara penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan karangan bagi setiap kumpulan?

HIPOTESIS KAJIAN

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan akhbar dengan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min markah penulisan karangan antara dua kumpulan.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan pendahuluan.


Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam huraian isi.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan penutup.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah seperti yang digambarkan dalam Rajah 1. Lokasi kajian ini adalah di sebuah sekolah di negeri Kelantan. Kajian ini terbatas kepada 70 orang pelajar tingkatan enam. Hal ini demikian kerana responden diambil daripada populasi yang homogenous. Responden yang dipilih mempunyai latar belakang dan persekitaran sosial, ekonomi, budaya dan pendidikan yang hampir sama. Responden yang dipilih semuanya berketurunan Melayu. Kumpulan responden dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen ialah kumpulan yang diberikan rawatan iaitu mereka diajar penulisan karangan menggunakan akhbar. Kumpulan kawalan pula tidak diberikan sebarang rawatan, sebaliknya mereka diajar penulisan karangan melalui pengajaran konvensional sahaja. Sebelum pengajaran, kedua-dua kumpulan diberikan ujian pra dan selepas lapan minggu diajar menggunakan kaedah yang berbeza, kedua-dua kumpulan ini diberikan ujian pasca.



RAJAH 1: Reka bentuk perbandingan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan

Instrumen

Instrumen kajian yang digunakan untuk kajian ini terdiri daripada soalan karangan untuk ujian pasca, kertas jawapan untuk menulis pendahuluan, menghurai isi dan menulis penutup, serta soalan soal selidik untuk profil latar belakang responden. Pengkaji terlebih dahulu telah menyediakan satu modul pengajaran untuk mengajar kumpulan

eksperimen. Modul ini mengandungi rancangan pelajaran harian berdasarkan penulisan karangan.

Modul ini dirangka untuk tempoh lapan minggu. Selain itu, pengkaji juga telah menyediakan satu skema jawapan untuk ujian pra dan pasca. Skema ini akan menjadi panduan kepada pengkaji untuk memeriksa jawapan pelajar. Pengkaji juga telah menyediakan naskhah-naskhah akhbar iaitu akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia untuk kegunaan pelajar semasa pengajaran. Berikut ialah panduan pengajaran karangan menggunakan akhbar bagi kumpulan eksperimen.

JADUAL 1: Panduan pengajaran karangan menggunakan akhbar bagi kumpulan eksperimen

Sesi Peng-ajaran	Isi / Bahan pengajaran
1	Memperkenalkan akhbar-akhbar harian yang dipilih dan kepentingannya sebagai sumber maklumat.
2	Memperkenalkan teknik-teknik bacaan yang boleh digunakan semasa membaca akhbar iaitu *Teknik Skimming* dan *Teknik Scanning*.
3	Mempraktikkan Teknik *Skimming* dan *Scanning* dalam bacaan akhbar.
4	Teknik menulis pendahuluan, menghurai isi dan menulis penutup.
5	Mengajar cara menulis pendahuluan dengan menggunakan maklumat darpada akhbar.
6	Mengajar cara menghurai isi dengan menggunakan maklumat darpada akhbar.
7	Mengajar cara menulis penutup dengan menggunakan maklumat darpada akhbar
8	Menulis karangan penuh menggunakan maklumat daripada akhbar.

Setelah karangan dikutip, pengkaji akan menanda karangan berkenaan berdasarkan skema pemarkahan karangan STPM. Markah-markah tersebut akan dimasukkan ke dalam SPSS berserta data-data soal selidik untuk dianalisis. Ujian kenormalan yang dijalankan menunjukkan bahawa data yang diperoleh adalah tidak bertaburan normal, oleh itu ujian bukan parametrik akan diguna pakai dalam hasil kajian nanti. Bagi menjawab kesemua soalan kajian, dua cara analisis data akan digunakan, iaitu analisis secara deskriptif melalui carta dan analisis secara inferensi yang menggunakan ujian *Wilcoxon-rank* (Mann-Whitney U).

DAPATAN KAJIAN

Taburan Responden kajian

Jadual 2 memaparkan taburan responden kajian berdasarkan latar belakang sosial mereka. Daripada keseluruhan 70 responden yang dikaji, 21 orang (30%) ialah pelajar lelaki dan 49 orang (70%) ialah pelajar perempuan. Tahap penguasaan bahasa Melayu mereka di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah baik, secara puratanya mereka memperoleh gred A1 hingga C6 iaitu gred kepujian. Sejumlah 10 orang (14.3%) pelajar mendapat A1, 8 orang (11.4%) mendapat A2, 14 orang (20%) mendapat C3, 9 orang (12.9%) mendapat B4, 19 orang (27.2%) mendapat C5 dan 10 orang (14.2 %) mendapat C6.

Dari segi anggaran pendapatan keluarga. 59 orang responden (84.3%) berasal daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM 1000, 6 orang keluarga responden (8.6%) berpendapatan RM1000 hingga RM 2000 manakala 5 orang (7.1%) berasal daripada keluarga yang berpendapatan RM2000 hingga RM3000. Taburan di atas jelas menunjukkan bahawa majoriti responden berasal daripada keluarga sederhana rendah.

Dilihat dari kekerapan responden membaca akhbar, didapati majorii pelajar membaca akhbar sekali sahaja dalam masa seminggu (31 orang atau 44.3%). Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar kurang mengambil berat tentang isu-isu semasa yang dipaparkan di dalam akhbar. Sehubungan itu, hanya 21 orang (30%) daripada ibu bapa mereka melanggan akhbar dan 49 orang (70%) tidak melanggan akhbar. Taburan di atas dapat memberi gambaran kepada kita bahawa ibu bapa tidak menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak mereka dan hal ini juga menunjukkan bahawa mereka kurang menerapkan budaya membaca dalam kalangan anak-nak mereka.


JADUAL 2: Taburan responden kajian

Latar Belakang Sosial	Deskripsi	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	21	30
	Perempuan	49	70
Kelulusan BM dalam SPM	A1	10	14.3
	A2	8	11.4
	B3	14	20.0
	B4	9	12.9
	C5	19	27.2
	C6	10	14.2
Pendapatan keluarga	Kurang RM 1000	59	84.3
	RM 1000 - RM 2000	6	8.6
	RM 2000 - RM 3000	5	7.1
	RM 3000 ke atas	0	0
Kekerapan membaca akhbar	Setiap hari	13	18.5
	Dua hari sekali	10	14.3
	Tiga hari sekali	4	5.7
	Empat hari sekali	4	5.7
	Lima hari sekali	6	8.6
	Enam hari sekali	2	2.9
	Seminggu sekali	31	44.3
Ibu bapa melanggan akhbar	Ya	21	30
	Tidak	49	70
Jumlah		**70**	**100**

Keberkesanan Penggunaan Akhbar dalam Pengajaran Penulisan Karangan


Terlebih dahulu, perbincangan akan diberikan kepada soalan sama ada penggunaan akhbar dapat membantu pelajar-pelajar tingkatan enam menulis pendahuluan karangan, mengolah isi dan menulis penutup.Carta-carta yang digunakan untuk menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian kumpulan eksperimen dan kumpulan kawasan semasa ujian pra dan pasca seperti berikut.

Carta 1 menunjukkan markat min untuk pendahuluan bagi Kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan semasa ujian pra dan ujian pasca. Bagi kumpulan eksperimen, markat min ialah 1.3 semasa ujian pra dan 2.0 semasa ujian pasca. Bagi kumpulan kawalan pula, markat min ialah 1.4 bagi semasa ujian pra dan 1.8 semasa ujian pasca. Keadaan ini menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen mencapai kemajuan yang lebih tinggi daripada kumpulan kawalan dalam ujian pasca.




CARTA 1: Markat min untuk pendahuluan bagi kumpulan eksperimen dankumpulankawalan semasa ujian pra dan pasca

Carta 2 pula menunjukkan markat min untuk huraian isi bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan semasa ujian pra dan ujian pasca. Semasa Ujian pra, kumpulan eksperimen mencatat markat min sebanyak 1.6 manakala markat min bagi ujian pasca pula ialah 2.3. Bagi kumpulan kawalan pula, market min bagi huraian isi semasa ujian pra ialah 1.3 dan markat min semasa ujian pasca ialah 1.4. Markat min yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen sekali lagi mencapai kemajuan yang lebih tinggi daripada kumpulan kawalan dalam kedua-dua ujian pra dan pasca.



CARTA 2: Markat min untuk huraian isi bagi kumpulan eksperimen dankumpulankawalan semasa ujian pra dan pasca

Carta 3 pula menunjukkan markat min untuk penutup bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan semasa ujian pra dan pasca. Semasa ujian pra, markat min bagi kumpulan eksperimen ialah 1.1 manakala semasa ujian pasca pula markat min bagi kumpulan ini ialah 1.9. Bagi kumpulan kawalan pula, markat min semasa ujian pra ialah 1.3, manakala semasa ujian pasca, markat min yang dicatat ialah 1.4.Berdasarkan keputusan ujian di atas, Kumpulan Eksperimen juga mencapai banyak kemajuan berbanding kumpulan kawalan.



CARTA 3: Markatmin untuk penutup bag kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan semasa ujian pra dan pasca

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan akhbar dengan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan.

Jadual 3 ialah hasil ujian *Wilcoxon-Signed Ranks* dalam nilai *p* dan *z* untuk menentukan sama ada penggunaan akhbar dapat membantu pelajar-pelajar tingkatan enam menulis pendahuluan, menghurai isi dan menulis penutup. Nilai alpha yang digunakan ialah= 0.05. Dalam ujian statistik ini, pengkaji telah menetapkan bahawa penolakan hipotesis nul akan berlaku jika nilai p < 0.05. Setelah diuji, didapati bahawa nilai z pada -5.062 dan nilai p pada aras 0.000. Oleh itu, ujian ini menolak hipotesis nul kerana nilai p < 0.05. Dengan kata lain, pada keyakinan 95 peraus, terdapat bukti yang signifikan untuk menolak hipotesis nul bahawa akhbar tidak membantu. Berdasarkan hasil ujian di atas dapat disimpulkan bahawa penggunaan akhbar dapat membantu pelajar tingkatan enam menulis pendahuluan karangan, menghurai isi dan menulis penutup

JADUAL 3: Nilai p dan nilai z bagi markah kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan ujian pasca

Ujian	Nilai z	Nilai p
Pra dan Pasca	-5.062	0.000*

Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan dalam menulis pendahuluan karangan, mengolah isi dan menulis penutup antara kumpulan kawalan, kumpulan eksperimen, ujian *Wilcoxon-rank* (Mann-Whitney U) digunakan dan diperturunkan Jadual 4.

JADUAL 4: Perbandingan markah min antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada peringkat ujian pasca

Ujian	Kumpulan	Min	Nilai z	Nilai p
Pasca	Eksperimen	46.59	-4.657	0.000*
	Kawalan	24.41		

p < .05*

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min markah penulisan karangan antara dua kumpulan.

Nilai alpha yang digunakan ialah α = 0.05. Ujian ini dilakukan dengan andaian bahawa penolakan hipotesis nul akan berlaku jika nilai p< 0.05. Disebabkan nilai p = 0.000, ujian ini tidak menerima hipotesis nul kerana nilai p< 0.05. Memandangkan nilai p lebih kecil dari nilai α = 0.05, dapat disimpulkan bahawa markat min penulisan karangan untuk kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan adalah jauh berbeza bahawa kumpulan eksperimen memperoleh 46.59 markat min berbanding kumpulan kawalan 24.41, dengan nilai z -4.657. Jadi, jelaslah di sini bahawa hasil daripada ujian ini, pengkaji mendapati terdapat perbezaan markat min untuk penulisan karangan antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.

Seterusnya untuk mencari sama ada terdapat hubung kait antara penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan karangan bagi setiap kumpulan, ujian *Wilcoxon-Signed Ranks* juga digunakan untuk melihat hubung kait antara penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan karangan bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen semasa ujian pra dan ujian pasca. Hasil ujian tersebut adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.

JADUAL 5: Hubung kait antara penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan pendahuluan bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan semasa ujian pra dan ujian pasca

Ujian	Kumpulan	Nilai z	Nilai p
Pra dan Pasca	Eksperimen	-5.126	0.000*
	Kawalan		

*p< .05**

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan pendahuluan

Berdasarkan Jadual 6, nilai *z* yang diperoleh bagi kedua-dua kumpulan ialah -0.126 manakala nilai *p* ialah 0.000. Nilai alpha yang digunakan ialah α = 0.05. Pengkaji juga mengandaikan bahawa penolakan hipotesis nul akan berlaku jika nilai *p*< 0.05. Setelah diuji, nilai *p* seperti yang tercatat di dalam jadual di atas ialah 0.000(*p* = 0.000) Oleh itu, hipotesis nul telah ditolak kerana nilai *p*< 0.05. Dengan kata lain, pada tahap keyakinan 95 peratus, terdapat bukti yang signifikan untuk menolak hipotesis nul bahawa pencapaian dalam penulisan pendahuluan mempunyai hubung kait dengan penggunaan akhbar. Sebagai kesimpulan, dapat dirumuskan bahawa berdasarkan ujian, penggunaan akhbar mempunyai hubungan yang signifikan dengan menulis pendahuluan untuk pelajar tingkatan enam.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam huraian isi.

Nilai alpha yang digunakan ialah α = 0.05. Seperti juga dalam ujian-ujian yang lepas, pengkaji menetapkan bahawa penolakan hipotesis nul akan berlaku jika nilai *p*< 0.05. Setelah diuji, nilai *z* yang diperoleh ialah -3.844 manakala nilai *p* pula bersamaan dengan 0.000. Oleh itu, ujian ini telah menolak hipotesis nul kerana nilai *p*< 0.05. Pada keyakinan 95 peratus, terdapat bukti yang signifikan untuk menolak hipotesis nul bahawa pencapaian dalam huraian isi tidak mempunyai hubung kait dengan penggunaan akhbar. Sebagai kesimpulan, berdasarkan hasil ujian dalam Jadual 6, dapat disimpulkan bahawa penggunaan akhbar mempunyai hubungan yang signfikan dengan huraian isi untuk pelajar tingkatan enam.

JADUAL 6: Hubung kait antara penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam huraian isi bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan semasa ujian pra dan ujian pasca

Ujian	Kumpulan	Nilai z	Nilai p
Pra dan Pasca	Eksperimen	-3.844	0.000*
	Kawalan		

*p< 0.05**

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan penutup.

Nilai alpa yang digunakan ialah α = 0.05. Pengkaji juga mengandaikan bahawa penolakan hipotesis nul akan berlaku jika nilai *p*< 0.05. Setelah diuji, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7, nilai *p* bersamaan dengan 0.000 iaitu nilai *p* adalah kurang daripada 0.05. Oleh itu, hipotesis nul telah ditolak kerana nilai *p*< 0.05. Kesimpulannya, pada keyakinan 95%, terdapat bukti yang signifikan untuk menolak hipotesis nul bahawa pencapaian dalam penulisan penutup tidak mempunyai hubung kait dengan penggunaan akhbar**.**Dengan kata lain, berdasarkan hasil ujian di atas, dapat disimpulkan bahawa penggunaan akhbar mempunyai hubungan yang signifikan

dengan penulisan penutup untuk pelajar Kumpulan Eksperimen tingkatan enam.

JADUAL 7: Hubung kait antara penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan penutup bagi kumpulan ekperimen dan kumpulan kawalan semasa ujian pra dan ujian pasca

Ujian	Kumpulan	Nilai z	Nilai p
Pra dan Pasca	Eksperimen	-4.770	0.000*
	Kawalan		

*p < 0.05**

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan akhbar dapat membantu pelajar-pelajar tingkatan enam menulis pendahuluan karangan, mengolah isi dan menulis penutup melalui ujian pra dan ujian pasca yang telah dijalankan. Ujian *Wilcoxon-Signed Ranks* menunjukkan kumpulan eksperimenmem-peroleh markat min yang lebih tinggi daripada kumpulan kawalan dalam ujian pasca setelah diajar penulisan karangan berpandukan akhbar. Markat min itu meliputi penulisan pendahuluan, mengolah isi dan penutup karangan dengan nilai z -5.062 dan nilai p pada aras 0.000. Dengan erti kata lain, akhbar memperlihatkan keberkesanannya dalam meningkatkan keupayaan para pelajar tingkatan enam dalam penulisan karangan yang baik secara keseluruhan. Oleh itu, HO1 yang berbunyi "penggunaan akhbar tidak membantu pencapaian pelajar dalam penulisan karangan" ditolak.

Keputusan ini adalah selari dengan dapatan kajian Sullivan (2002) mengukur keberkesanan penggunaan Program NIE di 22 buah bandar di Amerika Syarikat. Beliau mendapati bahawa secara purata, pelajar-pelajar yang menggunakan akhbar memperoleh skor 10 peratus lebih baik daripada pelajar yang tidak menggunakan akhbar dalam satu ujian bacaan yang diselaraskan. Markah pelajar yang terlibat meningkat sehingga 29 peratus daripada sebelumnya walaupun pelajar-pelajar ini bersasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Sillivan (2002) mendapati bahawa dalam semua semua kes yang dikaji, apabila semakin banyak akhbar yang digunakan sepanjang tahun, lebih tinggi skor yang dicapai.

Seterusnya HO2 yang berbunyi "min markah penulisan karangan antara dua kumpulan tidak berbeza" ditolak lantaran markat min penulisan karangan untuk kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan adalah jauh berbeza bahawa kumpulan eksperimen memperoleh markat min sebanyak 46.59 berbanding kumpulan kawalan 24.41, dengan nilai z -4.657. Dalam erti kata lain, kumpulan eksperimen mencapai kemajuan hasil penggunaan akhbar daripada kumpulan kawalan yang tidak menggunakan akhbar.

Keputusan di atas didapati mirip dengan kajian yang dibuat oleh Sargent (2005) tentang tabiat membaca dalam kalangan kanak-kanak tahun 3, 4 dan 5 yang menggunakan `Kajian Tabiat Membaca Pada Peringkat Awal'. Semua pelajar telah diuji tabiat membaca pada musim luruh tahun 2004 dan diuji sekali lagi pada bulan April 2005. Hasil kajian Sargent (2005) menunjukkan pelajar-pelajar yang menggunakan akhbar sepanjang tahun melalui Program NIE telah mendapat min skor sebanyak 8% lebih tinggi daripada pelajar dalam kumpulan kawalan. Oleh itu, Sargent (2005) telah membuat rumusan bahawa kebiasaan menggunakan akhbar dalam program NIE telah memberi kesan positif dari segi tabiat membaca pada peringkat tersebut.

Ujian *Wilcoxon-Signed Ranks* selanjutnya menunjukkan bahawa penggunaan akhbar tidak mempunyai hubung kait dengan pencapaian dalam penulisan pendahuluan, olahan isi dan penutup karangan. Maka HO3, HO4 dan HO5 ditolak hipotesisnya. Keadaan ini adalah selari dengan hasil kajian Reilly (2003) bahawa pelajar-pelajar boleh mengaplikasi, membuat sentisis dan mengembangkan apa yang telah dipelajari melalui arahan kolaboratif peringkat permulaan dengan guru mereka. Selain itu, akhbar dapat melahirkan minat terhadap peristiwa semasa dalam kalangan mereka dan menambah baik interaksi verbal dan perkembangan perbendaharan kata dan pemahaman.

Keputusan kajian ini adalah sejajar dengan hasil kajian Lim Duan Lib (1997) yang mendapati bahawa ada kesan penggunaan akhbar yang positif sebagai alat bantu dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. bahan akhbar dan majalah ini juga didapati sesuai digunakan untuk mengajar semua jenis kemahiran

bahasa termasuk aspek tatabahasa. Walaupun beliau hanya memberi fokus kepada kesan penggunaan akhbar dan majalah secara umum, namun kajian beliau mengesan beberapa kebaikan penggunaannya, contohnya membaiki kemahiran menulis dan mengarang murid. Begitu juga dengan kajian Gwee Hui Hiong (1993) dan Fazidah (1994) yang mendapati ada kesesuaian untuk menggunakan akhbar dalam pengajaran di bilik darjah dengan menumpukan kajian kepada penulisan karangan pelajar sekolah menengah.

Dari segi lain, hasil kajian ini mendapati bahawa pelajar-pelajar tingkatan enam di sekolah kajian menghadapi masalah dalam penulisan karangan mereka. Hal ini dapat ditunjukkan melalui kebolehan mereka dalam menulis pendahuluan, huraian isi dan penutup dalam ujian pra. Penulisan mereka dalam ketiga-tiga aspek karangan di atas adalah dangkal, iaitu penulisan mereka tidak mendalam. Penulisan mereka tidak disertakan dengan bukti yang kukuh, iaitu maklumat-maklumat yang relevan.

Hasil kajian ini telah menyokong beberapa kajian terdahulu yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah tidak dapat menulis karangan dengan baik (Koh Boh Boon, 1996; Roselan Baki, 2003). Hasil kajian mereka ada kaitan dengan kenyataan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1987) bahawa kemahiran menulis dianggap kemahiran paling tinggi tata tingkatnya dan paling sukar diajar. Seseorang pelajar yang ingin menulis karangan dengan baik haruslah terlebih dahulu menguasai pelbagai kemahiran lain, seperti kemahiran menguasai pengetahuan dalam pelbagai bidang, kemahiran memahami arahan dan kemahiran berfikir.

Kajian ini juga ada kebenarannya jika dikaitkan dengan beberapa hasil kajian yang telah dijalankan sebelum ini bahawa pelajar-pelajar kurang minat membaca (Ambigapathy Pandian, 1997; Sugiarto, 2007). Ambigapathy (1997) dalam kajiannya tentang minat dan kebiasaan membaca dalam kalangan pelajar mendapati bahawa mereka lebih banyak membaca buku-buku pelajaran atau buku yang ada kaitan dengan peperiksaan. Hal ini ada kebenarannya jika dilihat realiti yang berlaku di sekolah sekarang iaitu sistem pendidikan sekarang lebih memberi penekanan kepada orientasi peperiksaan.

Hasil kajian ini jelas menggambarkan bahawa pembacaan pelajar-pelajar tidak meluas. Idea-idea yang baik hanya dapat diperoleh daripada pembacaan yang luas. Membaca buku-buku teks dan buku-buku rujukan sahaja adalah tidak mencukupi kerana kebanyakan buku tersebut hanya mengandungi maklumat dan fakta yang tidak terkini. Tidak banyak penulis buku menganalisis sesuatu maklumat yang terdapat di dalam buku mereka secara kritis. Pandangan-pandangan yang bercorak kritis dan isu-isu yang dibahas biasanya terdapat di dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah.

Masalah pelajar yang kurang membaca juga boleh dkaitkan dengan amalan pengajaran guru yang kurang memberi pendedahan kepada pelajar tentang bahan-bahan bacaan yang sesuai khususnya akhbar (Lim Duan Lib, 1997). Keadaan menjadi lebih buruk lagi apabila banyak guru yang tidak gemar membaca. Kajian yang dibuat oleh Mahzan (2004) mendapati bahawa ramai pendidik di negara ini tidak menunjukkan minat yang tinggi dalam kegiatan membaca. Menurut Mahzan (2004), jumlah pendidik yang membaca kurang daripada sepuluh jam seminggu adalah hampir 50 peratus daripada jumlah pendidik dalam kajian beliau. Dengan perkataan lain, mereka hanya membaca lebih sedikit daripada satu jam sehari. Dengan bacaan yang terbatas, guru tidak dapat menyampaikan isi kandungan tentang penulisan karangan yang bernas dan meluas.

Memandangkan pembelajaran bahasa Melayu di tingkatan enam memerlukan pembacaan yang luas dalam kalangan pelajar-pelajar sedangkan buku teks tidak disediakan dan buku-buku rujukan juga tidak ditentukan, jadi amat wajar sekali jika guru-guru bahasa Melayu yang mengajar di tingkatan enam sentiasa memupuk minat pelajar-pelajar mereka supaya sentiasa membaca dan meneroka bahan-bahan bacaan yang mudah didapati dan murah harganya. Oleh itu, pengajaran bahasa menggunakan akhbar disarankan sebagai satu kaedah paling sesuai digunakan oleh guru-guru.

Dengan membaca akhbar, pelajar-pelajar bukan sahaja dapat mengetahui maklumat terkini, malah mereka dapat mencontohi penulisan-penulisan berbentuk kritis dan analitis tentang sesuatu masalah yang dikemukakan (Sullivan, 2002). Dalam hal ini, pelajar-pelajar boleh membaca ruangan Rencana Pengarang di dalam akhbar Utusan Malaysia dan Minda Pengarang yang terdapat di dalam akhbar Berita

Harian.Ruangan-ruangan tersebut biasanya memuatkan rumusan pengarang tentang sesuatu isu penting yan diterbitkan di dalam akhbar tersebut sepanjang minggu. Selan itu, para pelajar juga dapat mengikuti perkembangan terkini dalam pelbagai bidang, misalnya dalam bidang ekonomi, sukan, kesihatan dan sebagainya.

Keratan rencana pengarang akhbar juga dapat membantu pelajar dalam penulisan karangan. Melaluinya, guru hendaklah meminta pelajar menyenaraikan isi-isi penting yang terdapat dalam keratan tersebut di dalam buku latihan sebelum ditampal di dalam buku khas yang disediakan. Semasa pelajar membentangkan keratan rencana pengarang akhbar di kelas, pelajar yang lain hendaklah membuat catatan di dalam buku latihan. Kaedah tersebut tentunya menjimatkan masa kerana dalam setahun, setiap pelajar hanya dikehendaki membuat tujuh hingga lapan keratan sahaja. Hasil daripada perkongsian antara pelajar, mereka berjaya mengumpul semua tajuk keratan rencana pengarang akhbar untuk setahun (365 buah keratan akhbar). Sepanjang sesi pengajian berlangsung, guru akan memilih tajuk yang tertentu daripada keratan rencana pengarang akhbar yang dikira penting untuk perbincangan di kelas bagi aktiviti penulisan karangan. Aktiviti tersebut akan memberikan keseronokan kepada pelajar kerana mereka dapat berkongsi bahan dan idea, serta dapat berbincang bersama-sama (Izani, 2010).

Penggunaan akhbar terbitan *The New Straits Times Press* sebagai medium pembelajaran tambahan dalam kelas, terutama sisipan Didik, Minda dan Skor terus meningkat berikutan pendekatan itu membantu usaha meningkatkan pengetahuan serta kemahiran pelajar. Akhbar sesuai digunakan oleh guru dan pelajar sebagai bahan pembelajaran tambahan dalam darjah selain penggunaan bahasa yang padat dan mudah difahami semua peringkat usia. Menyedari kelebihan itu, seorang usahawan tempatan, Islelaidah merangkap Pengarah Urusan Inspirasi Properties menaja akhbar berkenaan untuk kegunaan pelajar SMK Dato' Syed Esa, Batu Pahat, Johor selama setahun (Berita Harian, 13 Jun, 2012).Hal ini menunjukkan Program tajaan akhbar itu hanya dapat dilaksanakan melalui semangat kerjasama serta hubungan baik antara sekolah dengan pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau ahli korporat.

Berikutan itu, pihak sekolah disarankan agar melanggan beberapa jenis akhbar, khususnya akhbar harian dalam kuantiti yang sesuai dengan jumlah pelajar. Hal ini disebabkan jumlah akhbar yang dilanggan sebelum ini tidak mencukupi untuk kegunaan pelajar sama ada menengah rendah mahupun menengah atas. Di samping itu, pihak pentadbir seharusnya menggalakkan guru-guru Bahasa Melayu khususnya supaya menggunakan akhbar dalam pengajaran dan pembelajaran. Pihak sekolah juga dicadangkan agar mewujudkan satu tempat khas untuk diletakkan akhbar di sekolah, misalnya pihak sekolah perlu mewujudkan sudut-sudut bacaan di tempat yang biasa menjadi tumpuan pelajar selain perpustakaan.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, penggunaan akhbar dapat membantu pelajar-pelajar tingkatan enam menulis karangan dengan baik dan berkesan. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat hubung kait antara penggunaan akhbar dengan pencapaian dalam penulisan karangan. Oleh itu, pihak pentadbir harus menggalakkan guru-guru menggunakan akhbar dalam melatih pelajar menghasilkan karangan yang baik. Guru-guru pula harus mengoptimakan penggunaan akhbar dalam usaha meningkatkan minat para pelajar dalam menyampaikan pemikiran dengan berkesan, umpama perumpamaan Melayu "banyak membaca luas pengetahuan".

RUJUKAN

Abdul Rashid Jamain. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 1-12.

Ambigapathy Pandian. (1997). *Reading in Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chew Fong Peng. (2011).Tanggapan guru terhadap buku teks dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah kebangsaan Malaysia. Kertas kerja di bentangkan di *International Conference of Future Education in Global Challenges* pada 19 Mei,. Anjuran

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan Universitas PGRI Adi Buana, Surabaya.

Cheyney, A.B. (1998). *Teaching reading skills through the newspaper*. 3rd Ed. Newark: International Reading Association.

Dahlia Janan. (2007). Merekayasa amalan pemilihan bahan bacaan Bahasa Melayu, *Diges Pendidik*, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

Fazidah Ahmad. (1994). Penggunaan akhbar sebagai bahan pengajaran Bahasa Malaysia (lisan) di peringkat sekolah menengah. Penulisan Akademik. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

Gwee Hui Hiong.(1993). Penggunaan akhbar dalam pengajaran kemahiran menulis karangan. Penulisan Akademik. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

Izani Daud. (2010). Belajar bahasa dengan keratan akhbar. *Pelita Bahasa*, Mei, 24-25.

Juriah Long. (2010). Senario dan cabaran pengajaran, pembelajaran Bahasa Melayu masa kini. Dlm. Juriah Long (Pnyt.). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*, 17-32.Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Koh Boh Boon. (1996). Dapatan dan implikasi kajian tentang kebolehan pelajar tingkatan enam rendah dalam penulisan karangan.*Jurnal Dewan Bahasa*, 40(4): 33-37.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003a). *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu KBSM*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003b). *Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur:Pusat Perkembangan Kurikulum.

Lim Duan Lib. (1997). Penggunaan akhbar dan majalah sebagai alat bantu dalam pengajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah.Dissertation (M.A), Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mahzan Arshad. (2004). Kajian terhadap minat membaca dalam kalangan pendidik. *Jurnal Pendidikan*, 24: 34-37.

Mahzan Arshad. (2005). Pendidikan teknologi dalam pendidikan literasi Bahasa Melayu. *Masalah Pendidikan*, 28: 269-278.

Majlis Peperiksaan Malaysia. (2010). *Laporan prestasi calon peperiksaan STPM*. Kuala Lumpur:Kementerian Pendidikan Malaysia.

Majlis Peperiksaan Malaysia. (2011). *Laporan prestasi calon peperiksaan STPM*.Kuala Lumpur:Kementerian Pendidikan Malaysia.

Michael H. L. & Catherine J. D. (2009). *The handbook of language teaching*. West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.

Peter, G. (1993). *Newspapers*. Oxford: Oxford University Press.

Reilly, K.P. (2003). News you can use: Teaching for understanding and the use of newspapers in the upper elementary classroom. Master Thesis of Art in Education, College of William & Mary School of Education.

Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Sargent, S.E. (2005). Reading study habits in early stages. College of Education, North Eastern State University, Oklahoma. Downloaded from: http://www2.advertiser.com.au/nie/younglearners.html,2008. (5 Ogos 2008)

Sullivan, D. (2002).*Measuring success!* University of Minnesota, Newspaper Association of America Foundation. Downloaded from: http://www.naa.org/measuresuccess.pdf (3 Februari 2008)

Thompson, H. (2008). The newspaper as a learning tool: A brief look at the past, present, future, and results. Download from http//www.njea.org/page.aspx?a=1929 (11 Mac 2008)

Tomlinson, B. (2011). Introduction: Principles and procedures of material development. In Tomlinson, B (ed.). *Material Development in Language Teaching*, 1-33. 2nd Ed. Cambridge: Cambridge University Press.

Usahawan taja akhbar terbitan NSTP. *Berita Harian*. Ruang Pendidikan, 13, Jun, 2012, 2.